

pendapat

VARSITI

BERITA

bhvarsiti@bh.com.my

Oleh Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain

Setiausaha Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)



Politik di kampus perlu literasi mahasiswa

➔ Pindaan AUKU bawa perubahan landskap dalam pembentukan generasi pemimpin masa depan

Pada 2012, pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) membenarkan mahasiswa terlibat dalam aktiviti dan parti politik di luar kampus. Pindaan itu sama sekali tidak akan mengganggu keharmonian kampus sebagai entiti bebas politik kepartian.

Ketika itu, kampus diper-
cayaai perlu kekal neutral kerana matlamat pendidikan perlu dipelihara untuk melahirkan mahasiswa yang dapat memperluaskan ufuk fikir, membina minda dan keupayaan intelektual mereka.

Pindaan AUKU 2012 juga

mengekalkan persekitaran kampus yang terus menjamin kebebasan akademik. Kampus yang terus kekal sebagai entiti bebas daripada politik akan memerdekaan warga akademiknya daripada pengaruh dan batasan politik.

Enam tahun selepas itu (2018), AUKU sekali lagi dipinda dan kali ini, mahasiswa dibenarkan terlibat dalam aktiviti dan parti politik dalam kampus. Dalam kata lain, politik sudah dibenarkan masuk ke kampus secara sah. Alasan yang digunakan adalah hampir sama, iaitu membina pemikiran kritikal dan keintelektualan mahasiswa selain menjamin kebebasan mereka yang selama ini terhalang oleh AUKU.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik ketika mengulungkan Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2018 di Dewan Rakyat baru-baru ini berkata, pemansuhan Seksyen 15 (2) (C) AUKU 1971 itu juga sebagai menterjemahkan janji Pakatan Harapan (PH) untuk menjadikan institusi pendidikan tinggi negara lebih bebas.

Tegas beliau lagi, pindaan ini juga boleh menghapuskan budaya ketakutan dalam kalangan mahasiswa untuk

Pengabaian penggunaan bahasa Melayu dalam bidang perundangan dan pengutamaan penggunaan bahasa Inggeris di Malaysia seolah-olah menafikan kemampuan dan kewibawaan bahasa Melayu untuk ‘berdiri sama tinggi, duduk sama rendah’ dengan bahasa Inggeris”

berpolitik. Bagaimanapun, kebebasan ini mesti datang bersama tanggungjawab.

Perlu diperhalusi

Perkembangan ini sangat menarik untuk dianalisis lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan situasi mahasiswa khususnya dalam era AUKU sebelum 2012. Ketika itu, menaruh simpati kepada parti politik pun tidak dibenarkan dan boleh dikenakan tindakan, namun kini mereka bebas berpolitik hatta di dalam kampus.

Kita mengalau-alukan pindaan ini, namun kita juga perlu melihat ke hadapan dengan penuh kematangan, iaitu bagaimana kesan kepada persekitaran kampus yang baharu, khususnya dalam ketidaktentuan politik negara.

Sekurang-kurangnya kita boleh bersama-sama memikirkan tiga persoalan penting berkaitan kebenaran mahasiswa berpolitik di dalam kampus. Pertama, apakah definisi politik yang menjadi pegangan mahasiswa apabila mereka dibenarkan berpolitik dalam kampus? Apakah politik itu merujuk kepada kuasa, kedudukan dan pengaruh atau khidmat dan bakti kepada masyarakat?

Perkara ini perlu jelas kerana kefahaman politik dalam konteks yang dangkal boleh mengheret mahasiswa kepada amalan salah laku, perebutan kuasa dan kedudukan serta paling malang, sanggup melakukan apa sahaja demi mendapatkan pengaruh.

Sebaliknya, penerimaan politik sebagai khidmat dan bakti oleh mahasiswa akan menjadikan mereka lebih bertanggungjawab dan amanah. Pendek kata, politik bukanlah satu matlamat akhir tetapi alat untuk mencapai kesejahteraan.

Kedua, bagaimanakah kebenaran berpolitik ini dapat menjamin ia bebas daripada pengaruh budaya politik kepartian di luar yang dilihat masih wujud amalan tidak sihat seperti salah guna kuasa dan rasuah?

Kebenaran berpolitik ini sangat penting kerana dapat membentuk budaya politik kampus tersendiri yang berasaskan integriti, keintelektualan dan kematangan. Jika ini berlaku, politik kampus mampu menyumbang kepada perubahan politik Malaysia yang lebih bersih dan matang kerana golongan mahasiswa adalah pemimpin masa depan negara.

Pertimbangan rasional

Ketiga, bagaimanakah kebenaran berpolitik ini dapat mengelak daripada sikap ekstrem dan fanatik terhadap satu-satu fahaman politik? Kita tidak menafikan bahawa agak sukar mahasiswa benar-benar terasing daripada pengaruh politik kepartian di luar.

Justeru, tidak menjadi kesalahan kepada mahasiswa

wa untuk berpihak kepada mana-mana parti politik atau menjadi aktivis sebuah parti. Walau bagaimanapun, janganlah sampai sokongan kepada parti politik tertentu menghalang dari pada mereka untuk berfikiran rasional, meraikan perbezaan pandangan dan ber-setuju untuk tidak bersetuju. Jauh sekali label-melabel.

Kita percaya bahawa apabila AUKU dipinda untuk membenarkan mahasiswa berpolitik di dalam kampus, kerajaan mempunyai niat yang murni, namun pelaksanaan adalah soal yang berbeza. Oleh itu, literasi politik dan demokrasi sangat kritical kepada mahasiswa.

Di sebalik menerima hakikat bahawa mahasiswa kini boleh berpolitik di dalam kampus, kita juga tidak seharusnya melupakan Falsafah Pendidikan Negara yang bermatlamat memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Politik adalah penting, tetapi politik bukanlah segalagalanya. Janganlah batas politik membunuh keintelektualan dan menyirnakan nilai kemanusiaan sesama insan. Kita pasti ini juga roh dan semangat di sebalik pindaan AUKU baru-baru ini.

* Penulis juga merupakan Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).